



**1. WARDEN
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang berkaitan dengan hal ehwal penyeliaan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat sebagai Penolong Warden di Jabatan Pembangunan Masyarakat dalam tanggagaji D.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai pengalaman berkerja dalam pengendalian dan pengurusan Rumah Kebajikan dan aktivitiinya.
3. Mempunyai pengetahuan Ugama Islam dan kepimpinan yang baik.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu tugas am Penguasa dan Penolong Penguasa.
2. Menjadi pegawai berkuasa kepada kakitangan di bawahnya.
3. Menyediakan keseluruhan laporan bulanan mengenai Kompleks Rumah Kebajikan.



4. Memastikan residen lelaki hanya diperiksa tubuh badannya oleh petugas lelaki sahaja manakala residen perempuan akan dilaksanakan oleh petugas perempuan sahaja.
5. Bertanggungjawab serta berkuasa membuat sebarang penggeledahan terhadap bilik penghuni/residen atau sebarang orang atau pelawat yang berada di Kompleks jika disyaki menyembunyikan barang yang ditegah oleh Kompleks dan jika didapati, warden boleh merampas barang tersebut.
6. Bertanggungjawab kepada penyediaan jadual harian penjaga keselamatan lelaki/perempuan dan atendan rumah kebajikan lelaki/perempuan dan memastikan jadual tersebut dipatuhi.
7. Menerima laporan bertulis sebarang perkara yang berlaku di setiap rumah pemulihan oleh pegawai bertugas dan melaporkan perkara tersebut dengan segera kepada Penolong Penguasa.
8. Bertanggungjawab menyediakan laporan sulit mengenai setiap penghuni/residen lelaki/perempuan dan kakitangan di bawahnya jika diperlukan.
9. Memastikan bahawa hukuman yang dijatuhkan kepada penghuni/residen yang melanggar peraturan kompleks mengikut peraturan yang sedia ada.
10. Memastikan semua kakitangan/petugas di bawah sentiasa mematuhi peraturan.
11. Mengadakan pemeriksaan mengejut ke atas penghuni/residen lelaki/perempuan dan petugas di setiap blok tahanan lelaki/perempuan dan dilaksanakan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu.
12. Bertanggungjawab mematuhi tugas sebagai seorang Warden seperti yang terkandung dalam Akta/Perintah yang digunapakai dan seterusnya bertanggungjawab melaksanakan Akta/Perintah dengan berkesan.
13. Bertugas secara bergilir (syif) mengikut jadual yang telah diaturkan dan bertolak ansur dalam giliran bertugas.
14. Tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.